



- 1. JURUPULIH CARA KERJA  
JABATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
M.11 (1,920 - \$3,250 SEBULAN) ATAU  
M.13-14 EB.15 [\$2,300 - \$4,220 SEBULAN]  
KEKOSONGAN = 1**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

**BAGI TANGGAGAJI M.13-14 EB.15**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pemulihan Cara Kerja (*Occupational Therapy*) atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut adalah kelebihan.

**BAGI TANGGAGAJI M.11**

1. BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Pemulihan Cara Kerja (*Occupational Therapy*) atau bidang bersesuaian.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JURUPULIH CARA KERJA:**

1. Mengambil peranan sebagai pegawai perklinikan (*Clinical*) dalam bidang Pemulihan Cara Kerja di dalam menjalankan tugas-tugas klinikal termasuk membuat pemeriksaan dan membuat diagnosis Klinikal (*Clinical Diagnosis*) tentang penyakit yang memerlukan rawatan kaedah Pemulihan Cara Kerja.
2. Membuat preskripsi kaedah rawatan yang efektif di dalam pemulihan atau rehabilitasi pemasalahan tubuh badan dari segi kesihatan fizikal dan mental termasuk permasalahan neurologi, ortopedik dan sebagainya mengikut kemahiran masing-masing.
3. Membantu Pegawai-Pegawai atasan di dalam menjalankan kerja-kerja klinikal harian.
4. Membantu di dalam menjalankan kajian-kajian klinikal serta penyelidikan tertentu di dalam pengurusan permasalahan klinikal yang berkaitan dengan Pemulihan Cara Kerja untuk membantu di dalam mempertingkatkan rawatan dan mempiawaikan kaedah rawatan Pemulihan Cara Kerja.



5. Menyediakan dan menghadapkan laporan kepada Pegawai-Pegawai atasan Pemulihan Cara Kerja jika diperlukan.
6. Membantu menyediakan rancangan, anggaran dan keperluan belanjawan tahunan untuk Perkhidmatan Bahagian Pemulihan Cara Kerja.
7. Membantu mengkaji, merancang dan menguatkuasakan dasar-dasar Perkhidmatan Bahagian Pemulihan Cara Kerja dan memastikan taraf perkhidmatan yang dihulurkan oleh pegawai dan kakitangan dibawah jagaan dilaksanakan dengan cekap dan lancar.
8. Bertanggungjawab mengendalikan mana-mana rancangan atau projek dan tugas-tugas lain yang tertentu sebagaimana diarahkan.
9. Jika berkenaan, mewakili Negara dalam menghadiri persidangan antarabangsa, mesyuarat antarabangsa, kursus atau bengkel meningkatkan profesionalisme dan sebagainya.
10. Dalam latihan untuk melibatkan diri sebagai tenaga pengajar atau sebagai pendidik akademik (*Visiting Academic Lecturer*) di Institut Perubatan, Universiti Brunei Darussalam termasuk institusi-institusi luar negara jika diperlukan.
11. Sebagai "*Leader*" dan "*developer*" kepada pegawai dan kakitangan yang di bawah tanggungjawab dalam menerajui unit/Fungsi.
12. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.